

TEKS UCAPAN PERASMIAN
KONVENTSYEN WANITA DAN KELUARGA KEBANGSAAN 2019
YANG AMAT BERHORMAT
DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL
TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP MENTERI PEMBANGUNAN
WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

TEMA

“WANITA BAHAGIA, KELUARGA SEJAHTERA”

HOTEL MARRIOT PUTRAJAYA

14 OKTOBER 2019

[SALUTASI]

Para hadrin yang dihormati,

1. YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyampaikan salam takzim dan maaf kerana tidak dapat bersama-sama dalam program yang penuh manfaat pada hari ni atas tuntutan tugas di tempat lain. Oleh itu, saya akan bacakan teks ucapan YAB Dato' Seri pada hari ini.
2. Syukur kerana kita dapat bersama-sama dalam Majlis Perasmian Konvensyen Wanita dan Keluarga Kebangsaan 2019 pada pagi ini.
3. Tahniah dan terima kasih kepada Jawatan Kuasa pengajur dan semua pihak yang terlibat pada hari ini, khususnya Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN).
4. “Wanita Bahagia, Keluarga Sejahtera” merupakan tema Konvensyen pada hari ini.
5. Tema ini adalah relevan dan signifikan dalam usaha kita untuk memperkasakan wanita dan keluarga dalam pembangunan negara.

Para hadirin yang dihormati,

6. Hargailah wanita dalam hidup anda.
7. Seorang wanita mungkin menjadi satu-satunya punca mata pencarian keluarga, atau pun seorang usahawan yang mempunyai perniagaan yang pelbagai.
8. Wanita juga adalah ibu, isteri, anak, adik dan/atau kakak.
9. Kita juga mahir melaksanakan pelbagai pekerjaan atau tugas dalam satu-satu masa (multi tasking).

10. Kita sama-sama tahu sisi gembira dan jerih perih melaksanakan peranan yang pelbagai ini.
11. Terdapat wanita yang terpaksa mengorbankan peluang untuk bekerja secara formal kerana tanggungjawab di rumah.
12. Terdapat juga wanita-wanita yang terpaksa bekerja secara tidak formal disebabkan tuntutan ekonomi keluarga dan keadaan yang tidak mengizinkan.
13. Scenario ini mendedahkan mereka kepada pelbagai risiko daripada sudut keselamatan, kesejahteraan dan jaminan punca pendapatan tidak kira dalam jangka masa pendek atau pun panjang.
14. Data terkini menunjukkan kadar penyertaan wanita dalam pasaran buruh berada pada tahap 55.2% pada tahun 2018.
15. Penyertaan lelaki berada pada tahap 80.4% pada tahun yang sama.
16. Ini jelas menunjukkan terdapat begitu ramai wanita yang berkebolehan, tetapi kebolehan mereka tidak dapat dimanfaatkan.
17. Untuk mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi, sumber tenaga buruh di kalangan wanita ini mestilah dicungkil dan dimanfaatkan.
18. Banyak kajian mendapati wujudnya jurang yang besar bagi peluang ekonomi antara wanita dan lelaki.
19. Pihak Bank Dunia (The World Bank) menganggarkan peningkatan pendapatan per kapita sebanyak 23.7% bagi jangka masa pendek dan 26.2% bagi jangka masa panjang sekiranya jurang ini dihapuskan bagi meningkatkan penyertaan wanita dalam ekonomi.
20. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) turut memandang serius isu-isu penganiayaan dan penindasan terhadap wanita daripada semua sudut dan kita mahu menangani isu ini dengan berhati-hati bagi memastikan langkah-langkah yang diambil benar-benar cekap (efficient) dan berkesan (effective).

CABARAN KELUARGA MASA KINI

Para hadirin yang dihormati,

21. Dalam perkembangan dunia teknologi komunikasi dan era Revolusi Industri 4.0, sesetengah fungsi keluarga semakin tergugat ekoran daripada masalah untuk menyesuaikan diri dengan pembangunan yang pesat dalam bidang teknologi, ekonomi dan sosio budaya.
22. Selain itu, impak globalisasi dan perkembangan dunia ICT yang pantas juga telah mengubah gaya hidup kebanyakan orang, yang secara tidak langsung turut memberi impak kepada institusi keluarga.

23. LPPKN telah menyiapkan Deklarasi Keluarga Negara yang dijangka akan dilancarkan pada November tahun ini.

24. Deklarasi ini dihasilkan beserta dengan pelan tindakan yang komprehensif bermatlamat untuk membangunkan keluarga yang sejahtera, sihat dan berdaya tahan (resilient) bagi memastikan kestabilan sosial dalam jangka masa panjang.

BELANJAWAN 2020

Para hadirin yang dihormati,

25. Kerajaan telah membentangkan Belanjawan 2020 pada hari Jumaat yang lalu.

26. Antara intipati Belanjawan 2020 yang membuktikan komitmen Kerajaan untuk memperkasakan wanita dan keluarga adalah peruntukan sebanyak RM10 juta akan disediakan kepada Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) untuk melatih usahawan mikro-digital dan pakar teknologi. Ini adalah bagi memanfaatkan e-Marketplaces dan platform media sosial, dan majoriti daripada usahawan mikro-digital ini terdiri daripada WANITA dan belia.

27. Kerajaan turut menyediakan Skim Jaminan Pinjaman Perniagaan (SJPP) berbentuk kemudahan jaminan baharu sebanyak RM500 juta khusus untuk usahawan wanita.

28. Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia (SME Bank) akan memperkenalkan Peruntukan dana RM200 juta khusus untuk usahawan wanita dengan tawaran pembiayaan sehingga RM1 juta bagi setiap Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

29. Inisiatif #WanitaKerja (Women@Work) turut diumumkan dalam Belanjawan 2020 bertujuan mewujudkan 33 ribu peluang pekerjaan setahun untuk wanita berusia di antara 30 hingga 50 tahun yang telah berhenti bekerja selama setahun atau lebih.

30. Wanita yang kembali bekerja akan diberi insentif gaji selama dua tahun sebanyak RM500 sebulan, manakala majikan pula akan diberi insentif pengambilan pekerja sebanyak RM300 sebulan bagi tempoh yang sama.

31. Sebagai tambahan, pengecualian cukai pendapatan bagi wanita yang kembali bekerja akan dilanjutkan empat tahun lagi sehingga tahun 2023.

32. Kerajaan juga akan melaksanakan Kajian semula Akta Kerja 1955 untuk meningkatkan tempoh cuti bersalin daripada 60 hari kepada 90 hari berkuat kuasa mulai tahun 2021.

33. Pada tahun 2020, program i-Suri akan ditambah baik bagi membolehkan suami memilih untuk menyumbang secara sukarela sebanyak dua peratus daripada 11 peratus carumannya kedalam akaun KWSP isterinya.

34. Kerajaan juga bercadang untuk memanjangkan manfaat di bawah i-Suri melalui perlindungan keselamatan sosial di bawah PERKESO dengan peruntukan sebanyak RM20 juta.

35. Hari ini, kadar kesuburan di Malaysia telah menurun dengan ketara daripada 4.9 kadar kelahiran pada tahun 70an kepada 1.9 kadar kelahiran bagi setiap wanita.

36. Oleh itu, bagi membantu pasangan mendapatkan rawatan kesuburan, KWSP akan memperkenalkan kategori pengeluaran baharu kepada pasangan yang menjalani rawatan kesuburan seperti in-vitro fertilisation (IVF).

37. Pelepasan cukai pendapatan sehingga RM6,000 yang diberikan keatas perbelanjaan rawatan perubatan untuk penyakit serius akan diperluaskan untuk merangkumi kos rawatan kesuburan.

38. Terdapat banyak lagi inisiatif-inisiatif baru yang memberi kesan secara langsung atau tidak kepada kesejahteraan wanita dan keluarga.

39. Saya yakin, dengan Belanjawan 2020 yang seimbang (balanced) dan menyeluruh (inclusive) ini, hasrat kita untuk meningkatkan penglibatan wanita dalam ekonomi dan menghapuskan jurang gender akan dapat dicapai dengan agresif dan signifikan.

40. Kita akan memperkasakan dan meningkatkan keseimbangan sosial bagi memastikan keutuhan institusi keluarga, khusus untuk menjamin kesejahteraan nasional pada tahun-tahun mendatang.

PENUTUP

Para hadirin yang dihormati,

41. Saya menyeru kepada anda semua, gunakanlah peluang pada hari ini untuk mengutarakan idea, pandangan dan input dengan berhemah dan penuh hikmah bagi memastikan hasil Konvensyen ini relevan dan signifikan.

42. Output daripada Konvensyen pada hari ini akan dimanfaatkan dan digunakan bagi perancangan dan pelaksanaan inisiatif KPWKM serta untuk membangunkan dasar-dasar yang lebih baik khususnya berkaitan pemerkasaan wanita dan keluarga.

43. Sebelum mengakhiri ucapan pada hari ini, saya ingin berpesan,

44. Jagalah kesihatan fizikal dan mental masing-masing.

45. Dapatkanlah bantuan dengan kadar segera sekiranya diperlukan dalam apa ju masalah.

46. Kita kini hidup dalam dunia tanpa sempadan, dengan akses kepada media sosial dan internet yang meluas.

47. Elakkan diri daripada menjadi mangsa penipuan (scam) dalam apa juga medium yang ada.
48. Sekali lagi, terima kasih kepada semua pihak, khususnya Jawatan Kuasa penganjur dan anda semua yang telah hadir pada hari ini.
49. Dengan sukacitanya saya, bagi pihak YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merasmikan Konvensyen Wanita dan Keluarga Kebangsaan 2019 pada pagi ini.

Sekian, terima kasih.